

**SUHAKAM GESA TINDAKAN SEGERA BERTERASKAN HAK ASASI MANUSIA BAGI
MENANGANI KRISIS JEREBU RENTAS SEMPADAN YANG SEMAKIN
MEMBIMBANGKAN**

KUALA LUMPUR (17 SEPTEMBER 2026) – Jerebu rentas sempadan kekal sebagai cabaran alam sekitar yang berterusan di Asia Tenggara, mendedahkan masyarakat kepada tahap pencemaran udara yang berbahaya serta mengancam kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) amat bimbang dengan keadaan jerebu yang semakin memburuk di Malaysia, khususnya di Sarawak, apabila beberapa kawasan merekodkan tahap kualiti udara yang berbahaya sehingga memerlukan langkah kecemasan, termasuk penutupan sekolah.

SUHAKAM menegaskan bahawa akses kepada udara bersih merupakan hak asasi manusia yang asas. Pencemaran jerebu boleh mengancam pelbagai hak lain, termasuk hak untuk hidup, kesihatan, pendidikan, maklumat, keadaan kerja yang selamat dan sihat serta hak kepada alam sekitar yang bersih, sihat dan mampan. Jerebu rentas sempadan sebahagian besarnya berpunca daripada aktiviti manusia, termasuk amalan guna tanah yang tidak mampan, kemerosotan tanah gambut, perluasan aktiviti pertanian, kebakaran tanah dan hutan serta kelemahan dalam kebertanggungjawaban dan tadbir urus alam sekitar. Walaupun keadaan cuaca boleh memburukkan jerebu, ia tidak seharusnya mengalihkan perhatian daripada punca asas yang boleh dicegah.

SUHAKAM turut bimbang terhadap kesan pendedahan berpanjangan kepada pencemaran jerebu, khususnya zarah halus (PM2.5), terhadap kesihatan awam. Risiko ini lebih tinggi bagi kanak-kanak, wanita hamil, warga emas, orang kurang upaya dan individu yang mempunyai kerentanan kesihatan sedia ada. Pekerja luar dan komuniti berpendapatan rendah juga mungkin mempunyai pilihan yang lebih terhad untuk mengurangkan pendedahan, terutama apabila mata pencarian mereka memerlukan mereka bekerja di luar atau akses kepada perlindungan, penjagaan kesihatan dan maklumat adalah terhad.

Hak kepada alam sekitar yang bersih, sihat dan mampan merupakan antara tumpuan utama SUHAKAM. Pada tahun 2025, SUHAKAM menerbitkan laporan Silent Enemy: Haze Pollution and the Right to Clean Air, yang meneliti punca dan kesan pencemaran jerebu terhadap hak asasi manusia serta jurang dalam kerangka perundangan dan institusi tadbir urus alam sekitar di Malaysia. Pada tahun ini, SUHAKAM meneruskan usaha tersebut melalui Forum Hak Asasi Manusia, Perniagaan dan Keadilan Iklim 2026, yang menggariskan tanggungjawab Negara dan sektor perniagaan dalam menangani kemudaratan alam sekitar serta melindungi hak asasi manusia.

Susulan situasi semasa, SUHAKAM mengulangi gesaan kepada Kerajaan Malaysia untuk:

- i. Menjunjung tanggungjawab untuk melindungi hak untuk hidup dan hak-hak asasi lain di bawah Perlembagaan Persekutuan, di samping memperkukuh komitmen Malaysia terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Deklarasi ASEAN 2025 mengenai Hak kepada Alam Sekitar yang Selamat, Bersih, Sihat dan Mampan.
- ii. Memperkukuh akses kepada keadilan alam sekitar, termasuk dengan mengkaji semula dan meminda Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bagi memudahkan cara litigasi alam sekitar serta melindungi penyertaan awam yang bermakna dalam perkara berkaitan alam sekitar.
- iii. Mempercepatkan penggubalan Akta Udara Bersih yang menetapkan piawaian kualiti udara ambien yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang serta mengiktiraf perlindungan kesihatan awam dan hak alam sekitar sebagai objektif utama.
- iv. Memperkukuh kerjasama serantau melalui mekanisme ASEAN, termasuk Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (AATHP), bagi menangani punca jerebu rentas sempadan serta meningkatkan ketelusan, perkongsian maklumat, pemantauan titik panas, pencegahan, penguatkuasaan dan kebertanggungjawaban.

- v. Melaksanakan sepenuhnya Pelan Tindakan Nasional mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR), termasuk langkah untuk memperkukuh kebertanggungjawaban korporat dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan hak asasi manusia.
- vi. Mempercepatkan pelaksanaan SDG yang berkaitan, khususnya dalam aspek kesihatan, komuniti mampan, tindakan iklim dan perlindungan alam sekitar, melalui penyelarasan institusi yang lebih kukuh serta penyertaan pihak berkepentingan yang bermakna.

Krisis jerebu yang berulang menunjukkan bahawa hak kepada udara bersih tidak boleh dilindungi melalui langkah reaktif semata-mata. Pendekatan yang menyeluruh, berasaskan hak asasi manusia dan melibatkan seluruh kerajaan serta masyarakat perlu diperkukuh bagi menangani punca struktur pencemaran jerebu dan memastikan kesihatan awam, kelestarian alam sekitar serta maruah manusia tidak dikorbankan demi kepentingan ekonomi jangka pendek. SUHAKAM bersedia bekerjasama dengan agensi kerajaan, organisasi masyarakat sivil, komuniti terjejas, sektor perniagaan dan pihak berkepentingan lain bagi mengusahakan penyelesaian yang berkesan dan berkekalan.

Alam sekitar yang menyokong kehidupan dan kesejahteraan kita adalah milik bersama, tanpa mengira gender, kaum, agama, kewarganegaraan, status undang-undang mahupun latar belakang sosioekonomi. Kemudaran alam sekitar tidak mengenal sempadan dan kesannya boleh dirasai jauh daripada puncanya. Justeru, tanggungjawab untuk melindunginya juga perlu dipikul bersama, bukan sahaja demi mereka yang terjejas hari ini, tetapi juga demi generasi akan datang.

-TAMAT-

Laporan *Silent Enemy: Haze Pollution and the Right to Clean Air* boleh diakses melalui kod QR di bawah:



- TAMAT -

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
17 September 2026